

UMS UA Pertama Miliki Teaching Resort dalam Kampus di Malaysia

Terakhir dikemaskini: Rabu, 14 Mac 2018 17:18 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 376

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


RABU, 14 MAC 2018 -
Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal memiliki ‘Teaching Resort’ dalam kampus hasil pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Traverse Tours Sdn. Bhd,

menjadikannya sebagai universiti pertama di Malaysia yang akan menyediakan kemudahan tersebut.

MoA tersebut dimeterai dalam satu majlis di Fakulti Komputeran dan Informatik kelmarin, dengan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin mewakili UMS menandatangani dokumen perjanjian tersebut, manakala Traverse Tours Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah Urusannya, Dares Saham.

Turut menyaksikan majlis menandatangani dokumen antara kedua-dua pihak adalah Penggerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Tun Azmi; Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Yeoh Boon Hai; dan Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Melalui kerjasama tersebut, UMS bakal mempunyai resort yang menyediakan kemudahan 30 unit chalet berkonsepkan *eco-friendly* berserta kemudahan restoran dan spa dijangka mampu menarik para pelancong luar dan dalam negara menginap di tepi pantai di kelilingi suasana kampus.

Ini sekali gus dapat memberi latihan dan pengalaman industri secara terus kepada pelajar-pelajar jurusan perhotelan dan pelancongan UMS melalui bantuan pihak Traverse Tours Sdn. Bhd. yang berpengalaman dalam industri pelancongan selama hampir 30 tahun.

Dalam pada itu, Datuk D Kamarudin dalam satu kenyataan berkata, *teaching resort* tersebut bakal memberi nilai tambah yang tidak ternilai kepada para pelajar perhotelan dan pelancongan UMS bagi memenuhi pasaran kerja dan industri.

“Ini selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang mahu memperkasakan konsep *industry in campus* dengan membawa pihak industri bekerjasama dengan pihak universiti.

“Hasil kolaborasi bersama dengan pihak industri akan memberi nilai tambah dan kelebihan kepada bakal-bakal graduan khususnya dalam bidang pelancongan dan hospitaliti selain menasarkan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan,” katanya.

Teaching Resort tersebut bakal dibina berdekatan dengan bangunan FPEP serta berhampiran dengan pantai memberikan landskap resort yang menarik kepada bakal pelancong yang menginap di chalet yang akan disediakan nanti.